



13 NOV, 2022

INISIATIF BANTU RAKYAT



Metro Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

PROJEK MENGHASILKAN AYAM TELUR **INISIATIF BANTU RAKYAT**

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
nfazlina@nsp.com.my

Kota Bharu

Kerajaan negeri Kelantan dijangka mengeluarkan sebanyak 400,000 telur sehari dengan kapasiti 535,000 ayam menjelang 2025.

Ia menerusi Projek Menghasilkan Ayam Telur oleh Kelantan Utilities Muabarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) iaitu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dalam usaha menangani bekalan usahayang di negeri itu.

Pengurus Besar KUM, Dr Mohd Roshdi Hassan (**gambar**) berkata, pihaknya menyasarkan menjelang 2025, sebanyak 535,000 ayam telur dipelihara dalam usaha memastikan bekalan telur di Kelantan mencukupi.

"Kita sedia maklum Kelantan berdepan masalah kekurangan penternak ayam daging dan buktinya kadar sara diri (SSR) bagi telur ayam di Kelantan hanya 0.8 peratus, sedangkan keperluan telur ayam adalah 180 juta biji setahun.

"Untuk mendapatkan ju-

Kerajaan negeri Kelantan dijangka keluar 400,000 telur sehari dengan kapasiti 535,000 ayam menjelang 2025



yang dijangka mampu mengeluarkan 20,000 telur sehari, pada Mei tahun depan. Hanya ayam yang sudah matang sahaja akan dibela dalam reban berkenaan.

"Projek ini akan dijalankan secara berperingkat dan kita menyasarkan 535,000 ayam dengan 400,000 telur dihasilkan setiap hari," katanya.

Beliau yakin, dengan jumlah itu, bekalan telur di Kelantan dapat diatasi selain mampu membantu rakyat di negeri itu yang sering berdepan masalah.

LAKARAN reban ayam di tapak seluas empat hektar bertempat di Gong Datok, Pasir Puteh, Kelantan.umlah 180 juta biji telur itu perlu membangkitkan pemelibaran 600,000 ayam.

"Justeru, untuk menangi ini masalah itu, KUM mengambil inisiatif melancarkan Projek Menghasilkan Ayam Telur di tapak seluas

empat hektar bertempat di Gong Datok, Pasir Puteh," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan akan menggunakan kaedah industri 4.0 merangkumi makanan, najis serta telur diuruskan menggunakan

kan mesin secara automatik, memandangkan ayam telur sedikit sensitif terhadap manusia.

"Projek ini sudah diluluskan oleh Ahli Lembaga Penegarahan KUM dan sekarang permohonan bagi persedi-

aan pembinaan sedang dilakukan. Pembinaan dijangka bermula awal tahun depan.

"Sebagai permulaan, pada Februari ini, kita akan membangun satu reban pertama bagi memuatkan 25,000 ayam



13 NOV, 2022

INISIATIF BANTU RAKYAT



Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PROJEK MENGHASILKAN AYAM TELUR

n f a z l i n a @ n s t p.c o m . m y Kota Bharu Kerajaan negeri Kelantan dijangka mengeluarkan sebanyak 400,000 telur sehari dengan kapasiti 535,000 ayam menjelang 2025. Ia menerusi Projek Menghasilkan Ayam Telur oleh Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn Bhd (KUM) iaitu anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dalam usaha menangani bekalan telur ayam di negeri itu.